

Upah bulanan pekerja mahir sepenuh masa bertambah sebanyak RM177

5 juta pekerja gaji bawah RM2,424

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Kira-kira 50 peratus daripada 9.95 juta rakyat Malaysia yang bekerja sepenuh masa menerima gaji dan upah bulanan sebanyak RM2,424 dan ke bawah pada tahun lalu berbanding RM2,250, tahun 2021.

Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia itu juga menunjukkan purata gaji dan upah bulanan yang diterima rakyat Malaysia pada 2022 meningkat sebanyak 5.8 peratus iaitu RM3,212 berbanding RM3,037 pada tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, daripada 15.39 penduduk bekerja pada 2022, jumlah pekerja sepenuh masa yang dibayar gaji dan upah dalam kalangan rakyat Malaysia adalah seramai 9.95 juta orang.

Menurutnya, kerajaan telah meningkatkan paras gaji minimum kepada RM1,500 bermula Mei 2022 yang mewartakan gaji bulanan sebanyak RM1,500 untuk pekerja di semua sektor sebagai langkah yang dijangka meningkatkan paras gaji dan upah secara keseluruhan.

"Justeru, peningkatan penengah gaji dan upah bulanan diterima rakyat pada 2022 mening-



KEBANYAKAN sektor pekerja mahir mengalami peningkatan gaji dan upah bulanan. – GAMBAR HIASAN

kat sebanyak 7.7 peratus kepada RM2,424.

"Keadaan ini menunjukkan 50 peratus daripada pekerja warganegara sepenuh masa menerima gaji dan upah sebanyak RM2,424 dan ke bawah," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau memberitahu, purata gaji dan upah bulanan untuk pekerja mahir bertambah seba-

nyak 3.7 peratus atau RM177, sekali gus meningkat kepada RM5,025 pada tahun lalu berbanding RM4,848 pada 2021.

"Dalam kalangan pekerja mahir, kategori pengurus kekal sebagai penerima purata gaji bulanan tertinggi iaitu sebanyak RM6,385 berbanding RM6,296 pada 2021.

"Ia diikuti golongan profesional (RM5,900) dan juruteknik pro-

fesional bersekutu (RM3,668)," jelasnya.

Purata gaji bulanan bagi pekerja separuh mahir pula meningkat kepada RM2,241 berbanding RM2,064 pada 2021 selain pekerja sokongan perkeraan (RM2,555) serta operator mesin, loji dan pemasangan dengan kadar RM2,158 pada tahun lalu.

"Pekerja kemahiran dan

pekerja pertukangan yang berkaitan pula menerima sebanyak RM2,154, manakala pekerja perkhidmatan dan jualan sekitar RM2,139.

"Sementara itu, purata gaji dan upah bulanan bagi kategori pekerja berkemahiran rendah yang meliputi pekerja asas meningkat sebanyak RM66 kepada RM1,815 pada tahun lalu berbanding RM1,749 pada tahun sebelumnya," ujar beliau.

Mohd. Uzir berkata, pada 2022, ekonomi global berdepan cabaran yang ketara termasuk gangguan rantaian bekalan, lonjakan harga komoditi, krisis tenaga dan kadar inflasi yang tinggi sebelum menyederhana pada suku tahun keempat 2022.

Katanya, walaupun berdepan krisis, Malaysia mencatatkan peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) membarangsangkan dengan kenaikan 8.7 peratus didorong oleh prestasi kukuh dalam sektor perkhidmatan serta pembuatan yang menyumbang 82.4 peratus.

"Fasa peralihan ke endemik, pembukaan semula sempadan antarabangsa dan peningkatan dalam industri pelancongan telah mewujudkan lebih banyak permintaan buruh dalam pasaran," ujarnya.